



TARIKH : 28/06/2026

KENYATAAN SEBUT HARGA
(TAWARAN TERBUKA)

Sebut harga adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang kerja yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi membekal perkara-perkara berikut :-

BIL	TAJUK & NO. SEBUT HARGA	KELAS	KEPALA / SUB KEPALA	TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
1.	PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA API) DI KUARI KERAJAAN NEGERI KELANTAN BUKIT BULOH, PULAI CHONDONG, KELANTAN UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN. No. Sebut harga : PKN.A.3/30-20(03/26)	KEM. KEW.	220801	29/06/2026 (Isnin)	06/07/2026 (Isnin) Sebelum jam 12:00 tengahari.

- Dokumen Meja Sebut harga boleh disemak dan dibeli di Pejabat Pengurus Kuari, Kuari Kerajaan Negeri Kelantan Bukit Buloh, 16600 Pulai Chondong, Kelantan pada waktu pejabat seperti berikut : -

Ahad hingga	8:30 pagi	-	12:45 tengahari	Khamis :	08:30 pagi	-	12:30 tengahari
Rabu :	02:00 petang	-	04:30 petang		02:00 petang	-	03:30 petang
- Penyebut harga yang ingin memasuki tawaran di atas adalah dikehendaki mengeluarkan kiriman wang/wang pos berharga RM20.00 (Ringgit Malaysia : Dua Puluh sahaja) yang dibuat atas nama **Pengurus Kuari, Kuari Kerajaan Negeri Kelantan Bukit Buloh, Pulai Chondong, Kelantan** atau secara tunai sebagai bayaran Dokumen Sebut harga.
- Dokumen Sebut harga akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Pembekal yang sah sahaja. Untuk maksud ini, Pembekal hendaklah membawa Sijil Pendaftaran Kewangan (Asal) atau salinan yang diakui sah serta surat wakil yang sah daripada syarikat berkenaan.
- Borang tawaran yang telah lengkap diisi berserta dokumen sokongan wajib hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan No. Sebut harga di sebelah kiri atas sampul surat dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada atau sebelum jam **12.00 tengahari pada 06/07/2026 (Isnin)** di **Pejabat Pengurus Kuari, Kuari Kerajaan Negeri Kelantan Bukit Buloh, 16600 Pulai Chondong, Kelantan.**
- Lawatan tapak tidak diwajibkan. Walau bagaimanapun, penyebut harga adalah dinasihatkan untuk melihat sendiri keadaan tapak untuk perkhidmatan seperti yang dinyatakan.
- Kontraktor **WAJIB** mengemukakan **Borang Pengisytiharan Pemunya Beneficial (BO)** dan menandatangani **Surat Akuan Syarikat dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang dan Buruh Paksa (SA)** dan **Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate – TCC)** semasa mengemukakan dokumen sebut harga.